

KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DI DALAM PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

Suhaila Aliman¹, Suhaida Abdul Kadir², Zaidatul Akmaliah Lope Pihie³

¹ *Kementerian Pelajaran Malaysia*

² *Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia*

Abstrak

Pendidikan Keusahawanan penting di dalam merangsang pertumbuhan ekonomi Negara. Pendidikan keusahawanan membantu pelajar menguasai kemahiran keusahawanan. Kemahiran keusahawanan merujuk kepada aktiviti-aktiviti pengetahuan praktikal untuk menubuhkan dan menjalankan sesebuah perniagaan sehingga berjaya. Terdapat tiga elemen di dalam kemahiran keusahawanan iaitu kemahiran peribadi, kemahiran pengurusan dan kemahiran peribadi. Pengajaran dan pembelajaran mengikut teori atau model di dalam pendidikan keusahawanan membantu memberi panduan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih ke arah memperolehi output atau hasil yang diharapkan. Kemahiran keusahawanan dianggap penting untuk pendidikan teknik dan vokasional di dalam menghasilkan pelajar yang berkemahiran di dalam bidang keusahawanan dan seterusnya membantu mencapai matlamat Negara untuk mencapai ekonomi yang mantap.

Katakunci : pendidikan keusahawanan, pendidikan teknik dan vokasional, kemahiran keusahawanan, kompetensi keusahawanan

Pengenalan

Pendidikan keusahawanan dianggap penting di dalam membantu merangsang pembangunan ekonomi, meningkatkan sosio ekonomi dan menyumbang kepada peluang pekerjaan di Malaysia. Pendidikan keusahawanan juga merupakan salah satu strategi utama untuk membantu meningkatkan potensi masyarakat di Malaysia menjadi usahawan (Ahmad, 2013). Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Malaysia, 2012 mendapati kadar pengangguran pada tahun 2012 adalah sebanyak 396.3 iaitu 3.0%. Manakala pada tahun 2011 adalah sebanyak 391.4 iaitu 3.1% dan 404.1 iaitu 3.3% untuk tahun 2010. Menurut (Ahmad, 2013) masalah pengangguran di kalangan lepasan graduan menjadi isu utama di Malaysia. Peningkatan institusi pendidikan setiap tahun menyumbang kepada peningkatan yang luar biasa terhadap bilangan graduan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Setelah tamat pengajian, graduan-graduan ini akan mencari pekerjaan dan tidak semua akan berjaya mendapat peluang pekerjaan. Oleh yang demikian, institusi-institusi pendidikan di Malaysia perlu membantu membangunkan kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar.

Pendedahan awal pendidikan keusahawanan adalah penting untuk membantu melahirkan lebih ramai usahawan pada masa hadapan. Keusahawanan dianggap sebagai jalan penyelesaian terhadap masalah pengangguran. Pembangunan modal insan merupakan agenda penting di Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015). Modal insan penting bagi pembangunan sesebuah Negara dan menjadi teras kepada inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kini berada di peringkat awal untuk membangunkan sistem pendidikan yang mampu menghasilkan modal insan yang berdaya saing di peringkat global pada abad ke-21. Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga dinyatakan keusahawanan merupakan salah satu unsur di bawah kemahiran memimpin. Keusahawanan dikaitkan dengan kebolehan pelajar untuk mengambil inisiatif, mewujudkan dan membangunkan sesebuah perniagaan secara berdikari dan sanggup membuat pelaburan daripada sumber sendiri, serta terdorong untuk memastikan hasil tersebut mendapat keuntungan.

Gibb (1999) mencadangkan terdapat tiga objektif utama memperkenalkan pendidikan keusahawanan; Memupuk pengetahuan yang luas terhadap keusahawanan, memperoleh cara berfikir seorang usahawan dan mengetahui cara bagaimana untuk memulakan dan mengendalikan sesebuah perniagaan dengan berkesan. Beliau juga menyatakan bahawa walaupun kita tidak boleh mengajar seseorang untuk menjadi seorang usahawan, kita masih boleh mengajar kemahiran keusahawanan yang diperlukan untuk berjaya. Kemahiran keusahawanan perlu diterapkan ke dalam diri setiap individu terutamanya pelajar supaya mereka dapat berdikari untuk mencari

peluang pekerjaan selepas tamat tempoh pembelajaran. Kemahiran ini penting bukan sekadar untuk mudah diterima bekerja di bawah majikan, tetapi bekerja sendiri dengan kesanggupan menerima risiko terhadap sesuatu yang diusahakan. Kemahiran ini penting terutamanya dalam pendidikan teknik dan vokasional iaitu selari dengan matlamat PTV dalam memenuhi permintaan industri (Sri Mas Zarith Mahmud, 2011). Menurut (Fuchs, Werner, & Wallau, 2008) sekolah memainkan peranan utama di dalam memupuk kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar bagi menghasilkan lebih ramai usahawan pada masa hadapan. Pihak kementerian dan pakar berkaitan perlu bersama-sama memastikan hasrat tersebut tercapai dengan melaksanakan program-program yang dapat memberikan pendedahan dan kemahiran di dalam bidang keusahawanan.

Definisi Kemahiran Keusahawanan

Menurut (Adeyemo, 2009) Kemahiran keusahawanan ditakrifkan sebagai keupayaan untuk mencipta sesuatu produk baru yang boleh dipasarkan dengan menumpukan kepada masa, usaha, kewangan dan risiko. Kemahiran keusahawanan juga adalah keupayaan individu untuk mengeksploitasi idea dan mewujudkan perusahaan (kecil atau besar) bukan sahaja untuk kepentingan peribadi tetapi juga untuk kepentingan masyarakat dan negara. (Pyysiäinen, Anderson, McElwee, & Vesala, 2006) menyatakan kemahiran keusahawanan merujuk kepada aktiviti-aktiviti, atau pengetahuan praktikal yang diperlukan untuk menubuhkan dan menjalankan sebuah perniagaan sehingga berjaya. Ia melibatkan bidang-bidang seperti bidang kewangan, perakaunan, pemasaran dan pengeluaran.

Terdapat juga kajian yang tidak menggunakan istilah kemahiran keusahawanan tetapi sebaliknya menggunakan istilah Kompetensi keusahawanan. (Mitchelmore & Rowley, 2009) berpendapat terdapat pelbagai definisi untuk kompetensi. Istilah kompetensi dikaitkan dengan kemahiran, kepakaran, kepintaran dan kecekapan di dalam *literature review*.

Kajian Lepas berkaitan Kemahiran Keusahawanan dan Kompetensi keusahawanan

Pengkaji	Huraian	Catatan
Khoshtinat, 2011	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran peribadi: Mengawal emosi, menerima risiko, mencipta inovasi, berupaya mengatasi setiap perubahan yang berlaku secara tiba-tiba, tabah, sentiasa berusaha, berkepimpinan dan berpandangan jauh. 2. Kemahiran pengurusan Merancang, menentukan sasaran, membuat keputusan, berhubung dengan pihak lain, Mengurus hal berkaitan pengurusan pemasaran, kewangan, perakaunan, pengawalan, perundingan, dan pembangunan. 3. Kemahiran teknikal Menulis, komunikasi lisan atau bukan lisan, penilaian atau penyeliaan alam sekitar, pengurusan perniagaan, teknologi, kemahiran interpersonal, kemahiran audio, keupayaan untuk organisasi, mewujudkan rangkaian pengurusan (pengurusan korporat), preceptorship (pengajar atau penasihat), bekerja secara berpasukan. 	Kemahiran Keusahawanan
Elmuti, 2012	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran teknikal Menulis, komunikasi lisan atau bukan lisan, dan berkaitan teknikal. 2. Kemahiran pengurusan perniagaan Merancang, membuat pemasaran dan perakaunan serta membuat keputusan. 3. kemahiran peribadi Membuat inovasi, mengambil risiko, dan ketekunan 	Kemahiran Keusahawanan

<p>Chang, 2013</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran Teknikal. Mengurus operasi, mengurus bekalan dan pengeluaran, mengurus ruang pejabat, mengurus sumber bangunan dan reka bentuk tempat kerja, mengurus aset dan peralatan dan mengurus teknologi dan proses pengeluaran. 2. Kemahiran pengurusan. kemahiran pengurusan, termasuk perancangan, mengatur, dan menyelia; kemahiran pemasaran, termasuk keupayaan untuk mengenal pasti pelanggan dan pasaran dan melibatkan diri dengan pelanggan; kemahiran pengurusan kewangan; kemahiran undang-undang; kemahiran pentadbiran seperti menyelaraskan struktur dan strategi organisasi; kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah 3. Kemahiran keusahawanan. keupayaan untuk membangunkan satu konsep dan rancangan perniagaan; pengimbasan alam sekitar; mengetahui peluang dan rangkaian nasihat. 4. Kemahiran kematangan peribadi kesedaran diri; akuntabiliti; emosi menghadapi dan kreativiti 	<p>Kemahiran Keusahawanan</p>
<p>Pyysiäinen et al., 2006</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. kemahiran peribadi: inovasi, inisiatif, pengambilan risiko, keupayaan untuk berurusan dengan pihak lain dengan mudah, menerima cabaran, mengambil tanggungjawab dan mencari peluang dengan bijak. 2. kemahiran interpersonal berinteraksi dengan orang lain secara berkesan, berkomunikasi dengan berkesan, berunding, mempengaruhi dan menunjukkan sifat kepimpinan. 3. Kemahiran Proses: keupayaan untuk merancang dan mengatur, menganalisis, mensintesis menilai dan melaksanakan setiap rancangan 	<p>Kemahiran Keusahawanan</p>
<p>Onstenk, 2003</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keupayaan untuk mengenal pasti dan menganalisis peluang pasaran dan mengendalikan risiko 2. Kemampuan untuk berkomunikasi, memujuk dan berbincang dengan pelanggan, pembekal, pesaing, pembekal perkhidmatan dan pihak berkepentingan yang lain dalam persekitaran perniagaan, memahami keperluan dan harapan pihak-pihak terlibat. 3. Berupaya mewujudkan hubungan dengan pihak-pihak yang terlibat di dalam perniagaan. 4. Membangunkan tingkah laku, peribadi dan ciri-ciri keusahawanan yang berkesan sepanjang penglibatan di dalam dunia perniagaan 	<p>Potensi Keusahawanan</p>

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terlibat, dapat dirumuskan bahawa terdapat tiga kemahiran keusahawanan iaitu;

kemahiran peribadi

Mengawal emosi , menerima risiko, mencipta kreativiti dan inovasi, inisiatif, berupaya mengatasi setiap perubahan yang berlaku secara tiba-tiba, tabah, tekun, sentiasa berusaha, berkepimpinan, berpandangan jauh, mudah berurusan dengan pihak lain, menerima cabaran, mengambil tanggungjawab, mencari peluang dengan bijak.

kemahiran pengurusan

Merancang, menentukan sasaran (mengetahui pasti dan menganalisis peluang pasaran dan mengendalikan risiko), mengatur , melaksanakan setiap rancangan, menyelia, , menganalisis, mensintesis, menilai, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, berhubung dengan pihak lain, mengenal pasti pelanggan dan pasaran, mengurus hal berkaitan pengurusan, kewangan, perakaunan, pengawalan, perundingan, undang-undang, pemasaran, dan pembangunan serta menguruskan hal pentadbiran seperti menyelaraskan struktur dan strategi organisasi.


kemahiran teknikal.

Menulis, berkomunikasi lisan atau bukan lisan, kemahiran pengurusan teknologi, kemahiran audio, keupayaan untuk organisasi, mewujudkan rangkaian pengurusan (pengurusan korporat), *preceptorship* (pengajar atau penasihat), bekerja secara berpasukan. Berinteraksi dengan orang lain secara berkesan, berkomunikasi dengan berkesan, berunding, mempengaruhi dan menunjukkan sifat kepimpinan. Mengurus operasi, mengurus bekalan dan pengeluaran, mengurus ruang pejabat, mengurus sumber bangunan dan reka bentuk tempat kerja, mengurus aset dan peralatan dan mengurus teknologi dan proses pengeluaran. Berupaya mewujudkan hubungan dengan pihak-pihak yang terlibat di dalam perniagaan. Berkemampuan memujuk dan berbincang dengan pelanggan, pembekal, pesaing, pembekal perkhidmatan dan pihak berkepentingan yang lain dalam persekitaran perniagaan, memahami keperluan dan harapan pihak-pihak terlibat.



Kerangka Teori

Kaedah Pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan keusahawanan
Model Pembelajaran Keusahawanan Hynes 1996



Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Model Kolb

<p>III Aplikasi Aktif Perubahan dalam kemahiran dan sikap Main Peranan Simulasi Aktiviti berstruktur Diari/Buku Log Kerja Lapangan Projek Lawatan</p>	<p>II Aplikasi Reflektif Perubahan Dalam Penghargaan Tayangan filem Dialog Perbincangan terhad Kajian Kes Pengajaran berasaskan penyelesaian masalah Pengajaran terancang</p>
--	--

<p>IV Teori Aktif Pembelajaran secara berkumpulan Perbincangan secara berdebat Makmal Analisis/Penilaian/pengukuran Tutoran</p>	<p>I Teori Reflektif Perubahan Ilmu Pengetahuan Kuliah Pembacaan Edaran Peperiksaan</p>
--	--

Kepentingan Kemahiran Keusahawanan di dalam Pendidikan Teknik & Vokasional

Hasil Kajian Järvi (2012) mendapati kemahiran keusahawanan berkait rapat dengan bidang vokasional. Kepakaran kemahiran vokasional yang ada perlu mempunyai kaitan dengan kemahiran keusahawanan. Fenomena keusahawanan ini bergantung kepada keadaan, suasana dan hubungan sosial di antara perniagaan-perniagaan. Ini menggambarkan bahawa keusahawanan perlu dipupuk melalui faktor-faktor seperti pengetahuan keusahawanan, pengalaman praktikal dan pendedahan dengan perniagaan-perniagaan yang sedia ada.

Menurut Ibadan & State (2011) Pendidikan teknik dan vokasional membawa kepada kemahiran praktikal yang bukan sahaja untuk menghasilkan produk tetapi turut sama menyumbang kepada kemahiran asas keusahawanan. Pendidikan teknik dan vokasional merupakan satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi kerana melahirkan tenaga mahir yang pakar menghasilkan produk-produk atau perkhidmatan yang mana ianya boleh dikomersialkan.

Menubuhkan perniagaan berkaitan bidang seperti pedandan rambut, pastri, automotif, elektrik memerlukan pemilik mengikuti latihan khusus di dalam kursus tersebut dan ia mungkin kritikal untuk dilaksanakan kerana agak terpencil. Oleh demikian adalah penting untuk memastikan bahawa keusahawanan diserapkan ke dalam pendidikan vokasional dan budaya keusahawanan dipupuk melalui sistem pendidikan teknik dan vokasional (Commission, 2009)

Kemahiran keusahawanan perlu diterapkan ke dalam diri setiap individu terutamanya pelajar supaya mereka dapat berdikari untuk mencari peluang pekerjaan selepas tamat tempoh pembelajaran. Kemahiran ini penting bukan sekadar untuk mudah diterima bekerja di bawah majikan, tetapi bekerja sendiri dengan kesanggupan menerima risiko terhadap sesuatu yang diusahakan. Kemahiran keusahawanan penting terutamanya dalam pendidikan teknik dan vokasional iaitu selari dengan matlamat PTV dalam memenuhi permintaan industri (Sri Mas Zarith et al., 2011)

Dorongan untuk menjadi usahawan boleh ditingkatkan melalui faktor-faktor persekitaran, terutama melalui program-program pendidikan dan latihan keusahawanan (Zaidatol Akmaliah & Afsaneh, 2010). (Fuchs, Werner, & Wallau, 2008) berpendapat sekolah memainkan peranan utama di dalam memupuk kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar bagi menghasilkan lebih ramai usahawan pada masa hadapan

Perbandingan Sukatan Mata Pelajaran Pengajian Keusahawanan Di Sekolah Menengah Teknik Di Malaysia dengan Perspektif Teori

Berdasarkan kajian lepas dapat dirumuskan bahawa Kemahiran Keusahawanan meliputi tiga aspek utama iaitu Kemahiran Peribadi iaitu ciri-ciri peribadi yang perlu oleh seorang usahawan, Kemahiran Pengurusan merangkumi kemahiran-kemahiran pengurusan perniagaan seperti merancang, menyelia, menganalisis dan lain-lain lagi manakala Kemahiran Teknikal melibatkan kemahiran yang diperlukan ketika melaksanakan sesuatu perniagaan iaitu seperti penggunaan teknologi, kerja berpasukan dan sebagainya. Kandungan sukatan Mata Pelajaran Pengajian Keusahawanan bagi aliran teknik di Sekolah Menengah Teknik memberi tumpuan kepada pengenalan kepada keusahawanan, sejarah perkembangan keusahawanan di Malaysia, Penganalisaan ciri-ciri keusahawanan, penggunaan Komputer dalam keusahawanan, menyediakan Rancangan Perniagaan dan amalan etika keusahawanan oleh pengusaha dalam perniagaan.

Terdapat sedikit persamaan namun sukatan Mata Pelajaran Pengajian Keusahawanan bagi aliran teknik di Sekolah Menengah Teknik lebih ke arah pendedahan dan bukanlah secara mendalam. Berbanding dengan perspektif teori, ketiga-tiga aspek kemahiran keusahawanan perlu



dipelajari oleh pelajar secara mendalam kerana ketiga-tiga aspek tersebut perlu dikuasai oleh pelajar untuk membantu pelajar menceburi pekerjaan dan mendorong pelajar melibatkan diri di dalam perniagaan. Perspektif teori memberi penekanan bahawa pengajaran dan pembelajaran untuk menguasai kemahiran keusahawanan perlu ke arah perpusatkan murid. Latihan praktikal perlu diberi penekanan supaya pelajar dapat mengaplikasi pengetahuan yang telah dipelajari dan merasai sendiri pengalaman yang telah dilalui.

Kesimpulan

Kemahiran keusahawanan berkait rapat dengan pembangunan modal insan. Justeru itu pendidikan di Malaysia perlu berusaha untuk memupuk pembangunan kemahiran keusahawanan pelajar. Pendidikan teknik dan vokasional memainkan peranan penting di dalam melahirkan pelajar yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam sesuatu bidang. Dengan adanya kepakaran dan kemahiran ia dapat membantu pelajar untuk menghasilkan produk-produk atau perkhidmatan. Bagi mengkomersialkan produk-produk atau perkhidmatan, pelajar perlu didedahkan dengan kemahiran keusahawanan. Kemahiran keusahawanan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kemahiran teknikal, pengurusan dan peribadi. Kemahiran keusahawanan sangat penting di dalam pendidikan teknik dan vokasional. Sekiranya pelajar hanya memperoleh kepakaran dan kemahiran untuk menghasilkan sesuatu produk atau perkhidmatan tetapi pelajar tidak mempunyai kemahiran untuk mengkomersialkan produk atau perkhidmatan tersebut maka produk atau perkhidmatan tersebut mungkin tidak dapat diperkembangkan dan tidak dapat memperolehi pendapatan yang sepatutnya. Maka kemahiran keusahawanan memainkan peranan penting bagi menjadikan sesuatu produk dan perkhidmatan yang dihasilkan dengan kepakaran dan kemahiran boleh dikomersialkan untuk menjana pendapatan yang lumayan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi Negara. Pelaksanaan Pengajaran dan pembelajaran keusahawanan sangat penting untuk membantu pelajar menguasai kemahiran keusahawanan. Kepentingan ketiga-tiga aspek kemahiran keusahawanan perlu diberi perhatian sewajarnya bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran keusahawanan sebelum menceburi bidang pekerjaan atau melibatkan diri dengan perniagaan.

Rujukan

- Adeyemo, S. A. (2009). Understanding and Acquisition of Entrepreneurial Skills : A Pedagogical Re-Orientaton for Classroom Teacher in Science Education. *Journal of Turkish Science education*, 6(3), 57–66.
- Ahmad, S. Z. (2013). The need for inclusion of entrepreneurship education in Malaysia lower and higher learning institutions. *Education + Training*, 55(2), 191–203.
- Chang, J. (2013). Assessing students' entrepreneurial skills development in live projects. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 20(1), 225–241.
- Commission, E. (2009). Entrepreneurship in Vocational Education and Training. *Final report Of The Expert Group*.
- Elmuti, D. (2012). Does Entrepreneurship Education Have A Role In Developing Entrepreneurial Skills And Ventures ' Effectiveness ? *Journal of Entrepreneurship Education*, 15, 83–99.
- Fuchs, K., Werner, A., & Wallau, F. (2008). Entrepreneurship education in Germany and Sweden : what role do different school systems play? *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 15(2), 365–381.
- Ibadan, T. P., & State, O. (2011). Entrepreneurship Education As A Strategy For National. *Journal of Research in Education and Society*, 2(2), 135–143.
- Järvi, T. (2012). Teaching entrepreneurship in vocational education viewed from the regional and field perspectives. *Journal of Vocational Education & Training*, 64(3), 365–377.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2011) Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh
- Khoshtinat, B. (2011). Study of Relationship between Entrepreneurial Skills and Organizational Entrepreneurship. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 5(4), 165–172.
- Kementerian pelajaran Malaysia (2012) Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

- Mitchelmore, S., & Rowley, J. (2009). Entrepreneurial competencies : a literature review and development agenda. *International Journal of Adolescence and Youth*, 16(1998), 92–111.
- Onstenk, J. (2003). Entrepreneurship and Vocational Education. *European Educational Research Journal*, 2(1), 74–89.
- Pyysiäinen, J., Anderson, A., McElwee, G., & Vesala, K. (2006). Developing the entrepreneurial skills of farmers: some myths explored. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 12(1), 21–39.
- TamPhuan Khow (2006) Persepsi Guru Terhadap Kompetensi Keusahawanan, Keupayaan Guru Mengajar dan Kaedah pengajaran Keusahawanan Dalam Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Negeri Pahang.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2003) Sukatan Pelajaran Pengajian Keusahawanan Kementerian Pelajaran Malaysia
- Zaidatol Akmaliah, L. P., & Afsaneh, B. (2010). Entrepreneurial attitude and entrepreneurial efficacy of technical secondary school students. *Journal of Vocational Education and Training*, 62(3), 351–366.